

# Memikul amanah penjenamaan, pemasaran universiti

Pengalaman bertugas sebagai wartawan serta penolong penerbit di stesen televisyen 8TV dan TV9 selama hampir tiga tahun bermula Oktober 2005, banyak membantu Dr Faizal Kasmani untuk melaksanakan amanahnya di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Beliau kini menyandang jawatan sebagai Pengarah Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) yang bertanggungjawab terhadap aspek penjenamaan dan pemasaran universiti itu di sini.

Mengimbas kembali, beliau berkata, 8TV dan TV9 masih baru beroperasi ketika itu menyebabkannya bukan hanya menjalankan tugas sebagai wartawan, malah melakukan kerja produksi yang membuka peluang mengetahui operasi

penerbitan berita di televisyen secara lebih menyeluruh.

"Pengalaman dalam bidang kewartawanan cukup memanfaatkan kerana mengajar saya berfikir dan bertindak dengan pantas.

"Ini bukanlah bermakna mereka yang tiada latar belakang kewartawanan tidak boleh mengetuai StraComm, tetapi pengalaman itu membantu saya lebih memahami pelbagai aspek berkaitan komunikasi," katanya ketika ditemui.

## Memperkenalkan USIM

Dr Faizal yang juga pensyarah di Fakulti Kepimpinan dan Pe-

ngurusan USIM mengaku terkejut apabila dimaklumkan mengenai pelantikannya untuk mengetuai StraComm selepas hanya enam bulan bergelar Timbalan Pengarah.

Sehubungan dengan itu, katanya, beliau menerima pelantikan berkenaan selepas mendapat maklum balas positif kakitangan StraComm kerana kerjasama mereka amat penting untuk memastikan kejayaan pusat terbahit.

Beliau berkata, antara agenda tumpuannya apabila menerajui StraComm ialah memastikan perancangan dilakukan untuk

## INFO

### Kelulusan:

● **Diploma Pengurusan Sistem Informasi** di Kolej Komuniti MARA (1995-1997)

● **Ijazah Sarjana Muda Sains** di Universiti Teknologi MARA (1998-2001)

● **Ijazah Sarjana Kewartawanan** di University of Sheffield (2004-2005)

● **Ijazah Doktor Falsafah** di Australian National University (2009-2013)



Dr Faizal Kasmani

jangka panjang dan bukan bersifat sementara.

"Saya dan semua kakitangan di sini bukan hanya memperkenalkan USIM kepada masyarakat, tetapi yang lebih penting ialah mahu pelajar sekolah agama di seluruh negara mengetahui peluang mereka untuk melanjutkan pelajaran di universiti ini.

## Cungkil idea

"Sebelum ini, majoriti pelajar sekolah agama melanjutkan pelajaran dalam bidang berkaitan agama, tetapi USIM menawarkan peluang untuk mereka memasuki bidang Ekonomi dan Komunikasi, malah menjadi doktor," katanya.

Dr Faizal meluahkan penghargaan kepada kakitangannya yang banyak membantu berikutan kerja berpasukan membolehkan pelbagai idea baharu dan bernas dicungkil untuk kebaikan USIM.

Dalam pada itu, jawatan disandang turut meletakkan Dr Faizal yang baru menginjak usia 36 tahun sebagai anggota Jawatankuasa Pengurusan Universiti, sekali gus menjadi ahli paling muda.

"Menganggotai jawatankuasa itu merupakan suatu penghormatan. Pada mulanya, berasa gementar juga kerana saya dan ahli jawatankuasa yang lain berperanan memberi nasihat kepada Naib Canselor berhubung pengurusan universiti," katanya.



Dr Faizal (kanan) mengamalkan perbincangan dengan kakitangannya.

SEBELUM INI, MAJORITI PELAJAR SEKOLAH AGAMA MELANJUTKAN PELAJARAN DALAM BIDANG BERKAITAN AGAMA, TETAPI USIM MENAWARKAN PELUANG UNTUK MEREKA MEMASUKI BIDANG EKONOMI DAN KOMUNIKASI"

Dr Faizal Kasmani,  
Penolong Penerbit